

17 NOV 1999

Abu Zahar-BN

ABU ZAHAR YAKIN BN MELAKA KEKALKAN 22 KERUSI NEGERI

MELAKA, 17 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Melaka dijangka mengekalkan 22 daripada 25 kerusi dewan undangan negeri (DUN) pada pilihan raya umum 29 Nov ini, kata Pengerusi BN Negeri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin.

Beliau berkata agihan kerusi kepada parti komponen kekal mengikut status quo pilihan raya umum lepas iaitu Umno di 16 kawasan, MCA tujuh dan masing-masing satu kerusi untuk MIC dan Gerakan.

"Bagi calon Umno, MIC dan Gerakan yang bertanding, saya yakin, kami akan mengekalkan kemenangan. Begitu juga MCA akan memenangi empat kerusi yang ditandinginya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat BN Negeri, di Seri Negeri, Ayer Keroh, petang ini.

Bagi tiga lagi kerusi negeri yang disandang oleh DAP di Bandar Hilir, Tengkeru dan Durian Daun, Abu Zahar berkata terdapat angin perubahan pengundi Cina di kawasan itu yang akan menyokong BN kali ini.

"Saya berasa optimis, ada antara tiga kawasan pembangkang itu akan ditawan oleh BN," katanya.

Abu Zahar berkata beliau akan mengumumkan sama ada esok atau Jumaat senarai calon-calon BN yang akan bertanding.

"Saya masih menunggu panggilan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Abu Zahar juga berkata daripada 15 peratus penyokong BN di Melaka yang menyokong pembangkang sebelum ini, 10 peratus daripadanya telah kembali menyokong BN.

"Ini bukan propaganda tetapi kenyataan," katanya.

Menurut Abu Zahar golongan itu terpengaruh dengan parti pembangkang tetapi setelah melihat realiti konsep kerajaan BN mereka kembali ke landasan sebenar.

Sementara itu, Abu Zahar berkata calon-calon BN di hari penamaan calon akan diiringi oleh antara 5,000 hingga 8,000 penyokong di lima pusat penamaan calon di negeri ini.

Lima pusat penamaan calon itu ialah Dewan Japerun Kompleks Penghulu Masjid Tanah (Parlimen Alor Gajah), Dewan Mini Kompleks Sukan Alor Gajah (Parlimen Selandar), Sekolah Menengah Teknik, Bukit Katil (Parlimen Batu Berendam), Pejabat Tanah dan Galian Melaka Tengah (Parlimen Kota Melaka) dan Dewan Rim (Parlimen Jasin).

-- BERNAMA

NO LAT